LEMBAGA PENDUDUK DAN PEMBANGUNAN KELUARGA NEGARA
12B, Bangunan LPPKN, Jalan Raja Laut, Peti Surat 10416, 50712 Kuala Lumpur.

603-2693 7555
603-2698 8185
Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara
www.lppkn.gov.my
penduduk@lppkn.gov.my
twitter.com/LPPKN

ISBN 978-983-2205-96-8
9 789832 205968

Laporan Penemuan Utama Kajian Penduduk Dan Keluarga Malaysia Kelima (KPKM-5), 2014

KPWKM
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

LPPKN
LEMBAGA PENDUDUK DAN PEMBANGUNAN KELUARGA NEGARA

## Laporan Penemuan Utama

# KAJIAN PENDUDUK DAN KELUARGA MALAYSIA KELIMA (KPKM-5) 2014

KPWKM
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

LPPKN
LEMBAGA PENDUDUK DAN PEMBANGUNAN KELUARGA NEGARA

Laporan Penemuan Utama

# KAJIAN PENDUDUK DAN KELUARGA MALAYSIA KELIMA (KPKM-5)

2014

LPPKN
LEMBAGA PENDUDUK DAN PEMBANGUNAN KELUARGA NEGARA
1966 • 2016
50 TAHUN
MEMBINA KELUARGA SEJAHTERA

© Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN), 2016
Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa jua cara sama ada elektronik, fotokopi, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin daripada Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara.

Perpustakaan Negara Malaysia
Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan LPPKN
Laporan Penemuan Utama Kajian Penduduk dan Keluarga Malaysia Kelima, KPKM-5
ISBN 978-983-2205-96-8

LPPKN
LEMBAGA PENDUDUK DAN PEMBANGUNAN KELUARGA NEGARA

Diterbitkan oleh:
Bahagian Kependudukan
Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN)
12B, Bangunan LPPKN,
Jalan Raja Laut, Peti Surat 10416,
50712 Kuala Lumpur.

Tel : +603-2693 7555
Faks : +603-2698 8185
E-mel : penduduk@lppkn.gov.my

# Prakata



**Laporan kajian ini memberikan gambaran bahawa penduduk di negara kita telah mengalami perubahan terutamanya daripada aspek perkahwinan, kesuburan, struktur keluarga dan cabaran keluarga**

**Dato' Sri Rohani Abdul Karim**
***Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat***

Malaysia kini sedang mengorak langkah secara progresif dalam menuju sebuah negara maju dengan memasuki fasa terakhir perancangannya seperti yang telah digariskan di dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) dan Kesebelas (RMKe-11). Dalam kita menelusuri aspirasi ini, ia telah mewujudkan satu bentuk struktur masyarakat yang dinamik sejajar dengan proses pemodenan yang dialami. Inisiatif untuk mendalami dan meneroka dengan lebih tepat mengenai senario penduduk perlu dilaksanakan. Oleh yang demikian, saya melihat kajian yang komprehensif seperti Kajian Penduduk dan Keluarga Malaysia Kelima (KPKM-5) ini mampu untuk memberikan gambaran senario dinamik penduduk dan keluarga. Kajian ini merupakan inisiatif yang diambil oleh LPPKN untuk mengumpul maklumat mengenai demografi keluarga di negara kita.

Secara keseluruhan, laporan kajian ini memberikan gambaran bahawa penduduk di negara kita telah mengalami perubahan terutamanya daripada aspek perkahwinan, kesuburan, struktur keluarga dan cabaran keluarga. Namun begitu, usaha yang berterusan dalam merangka inisiatif baru untuk berhadapan dengan realiti perubahan dalam masyarakat perlu dilipat gandakan lagi. Dengan ini, hasrat untuk mencapai status negara maju dapat diselarikan dengan menjadi sebuah negara yang mempunyai penduduk berkualiti dan sejahtera.

Saya ingin mengambil kesempatan untuk merakamkan sekalung penghargaan kepada pihak yang terlibat secara langsung mahupun secara tidak langsung dalam merealisasikan kajian ini. Diharapkan agar laporan ini akan dijadikan input yang akan memanfaatkan semua pihak. Seterusnya, semoga jaringan kolaborasi yang terjalin secara inklusif di antara agensi kerajaan, institusi pengajian tinggi dan badan bukan kerajaan serta mereka yang terlibat secara langsung akan berterusan pada masa akan datang.

Sekian, terima kasih.

# Prakata

**Fokus utama penyelidikan yang dijalankan adalah berkaitan bidang demografi keluarga yang merangkumi elemen kependudukan, pembangunan keluarga dan reproduksi manusia**



**Dato' Sabariah Hassan**
***Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat***

Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) ialah agensi yang bernaung di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) berperanan menasihati kerajaan melalui aktiviti-aktiviti penyelidikan yang dijalankan. Fokus utama penyelidikan ini adalah berkaitan bidang demografi keluarga yang merangkumi elemen kependudukan, pembangunan keluarga dan reproduksi manusia. Kajian Penduduk dan Keluarga Malaysia Kelima (KPKM-5) merupakan kajian berskala besar yang bersifat *nationally representative* yang dilaksanakan oleh LPPKN pada tahun 2014.

Pada kesempatan ini, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri kerana membiayai pelaksanaan kajian di bawah peruntukan Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10). Begitu juga dengan bantuan teknikal yang diberikan oleh pihak Jabatan Perangkaan Malaysia. Selain itu, komitmen dan kerjasama yang baik oleh agensi kerajaan di peringkat persekutuan, negeri, institusi pengajian tinggi, badan bukan kerajaan serta responden yang terlibat dalam menjayakan kajian ini adalah amat saya hargai.

Akhir kata, laporan KPKM-5 yang telah disediakan oleh kumpulan penyelidik daripada LPPKN adalah tepat pada masanya. Harapan saya agar laporan ini dapat menjadi wacana utama kepada para penggubal dasar, perancang, pelaksana program dan masyarakat umum mengenai isu-isu semasa mengenai demografi keluarga dalam masyarakat.

Sekian, terima kasih.



**Tujuan pelaksanaan KPKM-5 adalah untuk menyediakan data siri masa berkaitan demografi keluarga di samping mengenal pasti hubung kaitnya dengan prospek pembangunan negara**

**Dato' Dr. Siti Norlasiah Ismail**
***Ketua Pengarah Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara***

Kajian Penduduk dan Keluarga Malaysia Kelima (KPKM-5) yang dilaksanakan oleh Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) merupakan kajian kelima dalam siri Kajian Penduduk dan Keluarga Malaysia yang dilaksanakan setiap 10 tahun sejak tahun 1974.

Menelusuri lipatan sejarah LPPKN dalam bidang penyelidikan dan pembangunan ini, ia telah bermula semenjak di awal penubuhannya iaitu hampir 50 tahun yang lalu. Fokus utama ketika itu adalah untuk melaksanakan kajian kependudukan dengan memberi tumpuan khusus kepada isu pertambahan penduduk, perkahwinan dan kesuburan. Namun, sejajar dengan perkembangan masyarakat yang semakin kompleks mutakhir ini, LPPKN telah memperluaskan skop kajiannya kepada aspek kekeluargaan, perilaku remaja, pembujangan dan penuaan.

Tujuan pelaksanaan KPKM-5 adalah untuk menyediakan data siri masa berkaitan demografi keluarga di samping mengenal pasti hubung kaitnya dengan prospek pembangunan negara. Pada siri kali ini, KPKM-5 telah berupaya untuk mengumpulkan maklumat berkaitan inklusiviti dalam kehidupan berkeluarga seperti perkahwinan, interaksi keluarga, amalan kesihatan, kehidupan warga emas dan seksual remaja. Kajian ini juga turut mengumpulkan maklumat terbaharu seperti keseimbangan kerjaya dan keluarga, kesejahteraan hidup, penyusuan bayi, ketidaksuburan sekunder, pengurusan kewangan dan penggunaan media sosial. Kajian yang dilaksanakan ini adalah bersifat nasional dalam memastikan maklumat yang diperoleh mampu memberikan gambaran yang menyeluruh dan saintifik mengenai demografi keluarga di Malaysia.

Saya berharap, laporan yang diterbitkan ini akan memberikan manfaat kepada kita semua. Jutaan terima kasih saya ucapkan kepada semua jawatankuasa yang telah dibentuk untuk merealisasikan kajian ini iaitu Jawatankuasa Pemandu KPKM-5, Jawatankuasa Teknikal KPKM-5, Jawatankuasa Kerja Teknikal KPKM-5 dan Jawatankuasa Kerja Pengurusan KPKM-5. Besar harapan saya agar kerjasama yang terjalin dalam usaha untuk memantapkan penduduk dan institusi keluarga di negara kita akan terus terjalin dan diperluaskan pada masa akan datang.

Sekian, terima kasih.

# ISI KANDUNGAN

muka surat


iii **PRAKATA**
vi **ISI KANDUNGAN**
2 **BAB 1: PENGENALAN**
6 **BAB 2: KAEDAH KAJIAN**
13 **BAB 3: PENEMUAN UTAMA**
16 **BAHAGIAN 1: PENDUDUK**
16 STRUKTUR UMUR
17 KOMPOSISI ETNIK
17 AGAMA
18 PERKAHWINAN
19 KADAR PENYERTAAN TENAGA BURUH
20 **BAHAGIAN 2: ISI RUMAH**
20 JENIS ISI RUMAH
21 SAIZ DAN KETUA ISI RUMAH
21 PEMILIKAN TEMPAT KEDIAMAN
22 **BAHAGIAN 3: PEMBENTUKAN KELUARGA**
22 PERKAHWINAN
25 PEMBUJANGAN
28 **BAHAGIAN 4: KEHIDUPAN BERKELUARGA**
28 CABARAN KELUARGA
29 PEMBUAT KEPUTUSAN DALAM KELUARGA
30 SOKONGAN KELUARGA
32 NILAI MURNI YANG DITERAPKAN KEPADA ANAK REMAJA
32 HUBUNGAN REMAJA DENGAN IBU BAPA
33 AKTIVITI REMAJA BERSAMA KELUARGA
34 ASPIRASI PENDIDIKAN REMAJA
35 ATURAN TEMPAT TINGGAL
36 **BAHAGIAN 5: INTERAKSI SOSIAL**
36 AKTIVITI SOSIAL WARGA EMAS
38 AKTIVITI SOSIAL REMAJA
40 **BAHAGIAN 6: WANITA DAN KERJAYA**
40 STATUS PEKERJAAN
41 MASALAH DALAM MENGIMBANGI PERANAN ANTARA KERJAYA DAN KELUARGA
41 BENTUK SOKONGAN DARIPADA MAJIKAN
42 ATURAN PENJAGAAN ANAK
44 **BAHAGIAN 7: KESUBURAN DAN KESIHATAN REPRODUKTIF**
44 KESUBURAN
45 KEINGINAN ANAK
46 AMALAN PERANCANG KELUARGA
47 PENYUSUAN BAYI
48 PENGETAHUAN REMAJA MENGENAI KESIHATAN SEKSUAL DAN REPRODUKTIF
50 PERILAKU SEKSUAL
54 **PROFIL KUMPULAN SASAR**
70 **KUMPULAN PENYELIDIK**

# BAB 1
# PENGENALAN

LATAR BELAKANG

RANGKA KERJA INSTITUSI



# PENGENALAN

## LATAR BELAKANG

Kajian Penduduk dan Keluarga Malaysia 2014 merupakan kajian kelima dalam siri Kajian Penduduk dan Keluarga Malaysia yang dilaksanakan oleh LPPKN setiap 10 tahun sejak tahun 1974. Siri kelima kajian ini dibiayai oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri di bawah peruntukan Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10). Sebagai peneraju utama kajian ini, LPPKN telah mendapat kerjasama dan sokongan yang baik daripada pelbagai agensi di peringkat persekutuan, negeri dan badan bukan kerajaan.

Kajian ini bertujuan untuk menyediakan maklumat terkini dan data siri masa berkaitan demografi, keluarga dan kesihatan reproduktif penduduk Malaysia. Ianya juga bertujuan untuk mengemas kini indikator-indikator yang telah diperoleh berasaskan siri kajian terdahulu. KPKM-5 menyediakan maklumat khusus berkaitan penduduk, isi rumah, pembentukan keluarga, kesuburan, perancang keluarga, kehidupan berkeluarga, amalan kesihatan, warga emas serta sosial dan seksual remaja. Kajian ini juga turut mengumpulkan maklumat terbaharu seperti keseimbangan kerjaya dan keluarga, kesejahteraan hidup, penyusuan bayi, ketidaksuburan sekunder, pengurusan kewangan, bantuan antara generasi dan penggunaan media sosial.

Pra uji terhadap soal selidik, latihan penemu bual dan operasi kerja lapangan telah dilaksanakan di Selangor pada November 2013. Hasil daripada pra uji ini, penambahbaikan terhadap soal selidik dan operasi kerja lapangan telah dilakukan. Kerja lapangan telah dilaksanakan bermula daripada September 2014 hingga Januari 2015 yang melibatkan seramai 250 orang anggota. Sepanjang tempoh tersebut, sejumlah 23,112 buah tempat kediaman telah dilawati dan maklumat daripada 14,156 buah isi rumah telah berjaya diperoleh. Daripada jumlah isi rumah tersebut, seramai 7,644 orang wanita pernah berkahwin berumur 15-59 tahun telah berjaya ditemu bual. Ini diikuti oleh seramai 4,167 orang lelaki pernah berkahwin berumur 15-59 tahun, 5,303 orang remaja belum pernah berkahwin berumur 13-24 tahun, 4,059

orang warga emas berumur 60 tahun dan ke atas dan 1,408 orang individu bujang berumur 25-49 tahun.

Laporan ini membentangkan beberapa penemuan utama KPKM-5 peringkat nasional. Laporan ini bertujuan memberi maklumat terkini yang boleh dijadikan input kepada para penggubal dasar, perancang dan pengurus program dalam menilai, merangka dan membentuk strategi pembangunan sosioekonomi negara.

## RANGKA KERJA INSTITUSI

### Jawatankuasa Pemandu Projek

Pelaksanaan aktiviti KPKM-5 dikawal selia oleh sebuah Jawatankuasa Pemandu Projek. Jawatankuasa ini telah dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Terma rujukan jawatankuasa ini adalah untuk memberi pandangan, nasihat dan cadangan dalam menentukan skop dan bidang liputan kajian, tatacara pelaksanaan kajian, dan bentuk laporan serta memperakukan hasil kajian kepada pihak Kerajaan. Keahlian jawatankuasa ini terdiri daripada:

i. Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri;
ii. Unit Perancang Ekonomi Negeri Sabah;
iii. Unit Perancang Ekonomi Negeri Sarawak;
iv. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat;
v. Kementerian Kesihatan;
vi. Kementerian Pendidikan;
vii. Kementerian Dalam Negeri;
viii. Kementerian Komunikasi dan Multimedia;
ix. Kementerian Belia dan Sukan;
x. Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah;
xi. Kementerian Sumber Manusia;
xii. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan;
xiii. Jabatan Perangkaan Malaysia;
xiv. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia;
xv. Jabatan Kebajikan Masyarakat;
xvi. Majlis Profesor Negara;
xvii. Pengerusi Jawatankuasa Penyelidikan LPPKN; dan
xviii. Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara.

### Jawatankuasa Teknikal Projek

Jawatankuasa Teknikal Projek, dipengerusikan oleh Ketua Pengarah, LPPKN. Terma rujukan jawatankuasa ini adalah untuk mengenal pasti dan mengesahkan perkara-perkara berkaitan pelaksanaan dan teknikal kajian seperti skop, bidang liputan, soal selidik, metodologi, kaedah pengumpulan data, mekanisme imputasi data, kaedah analisis data, penulisan laporan, dan perkara-perkara teknikal yang lain. Keahlian jawatankuasa ini terdiri daripada:

i. Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri;
ii. Unit Perancang Ekonomi Negeri Sabah;
iii. Unit Perancang Ekonomi Negeri Sarawak;
iv. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat;
v. Kementerian Kesihatan;
vi. Kementerian Pendidikan;
vii. Kementerian Belia dan Sukan;

viii. Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah;
ix. Kementerian Sumber Manusia;
x. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan;
xi. Jabatan Perangkaan Malaysia;
xii. Jabatan Kebajikan Masyarakat;
xiii. Jabatan Pembangunan Wanita;
xiv. Institut Kesihatan Umum;
xv. Universiti Malaya;
xvi. Universiti Teknologi MARA;
xvii. Institut Penyelidikan Penuaan Malaysia;
xviii. Focus on the Family, Malaysia;
xix. Federation of Reproductive Health Associations, Malaysia; dan
xx. Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara.

## Jawatankuasa Kerja Teknikal Projek

Jawatankuasa Kerja Teknikal dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Pengarah (Dasar), LPPKN. Terma rujukan jawatankuasa ini adalah untuk mengenal pasti isu-isu semasa berkaitan kependudukan, kekeluargaan, dan kesihatan reproduktif, skop, bidang liputan, membangun soal selidik, metodologi, kaedah pengumpulan data, mekanisma imputasi data, kaedah analisis data, penulisan laporan dan perkara-perkara teknikal yang lain. Keahlian jawatankuasa ini adalah terdiri daripada:

i. Jabatan Perangkaan Malaysia;
ii. Universiti Malaya;
iii. Universiti Teknologi MARA;
iv. Pengarah dan Pegawai Kanan, Bahagian Kependudukan;
v. Pengarah dan Pegawai Kanan, Bahagian Pembangunan Keluarga;
vi. Pengarah dan Pegawai Kanan, Bahagian Reproduksi Manusia; dan
vii. Pengarah dan Pegawai Kanan, Bahagian Perancangan Korporat.

## Jawatankuasa Kerja Pengurusan Projek

Jawatankuasa Kerja Pengurusan Projek dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan), LPPKN. Terma rujukan jawatankuasa ini adalah untuk memastikan kelancaran pelaksanaan kajian melalui khidmat nasihat dan sokongan berhubung dengan pengurusan kewangan, perolehan dan bekalan, pengurusan logistik, pengambilan pegawai dan kakitangan (kontrak dan sambilan), latihan, bengkel, seminar dan promosi. Keahlian jawatankuasa ini terdiri daripada Pengarah dan Pegawai Kanan LPPKN, iaitu:

i. Pengarah bahagian-bahagian yang berkaitan; dan
ii. Sekurang-kurangnya seorang pegawai daripada bahagian yang berkaitan.

## Urus Setia

Bahagian Kependudukan, LPPKN bertindak sebagai urus setia bagi kajian ini. Sebagai urus setia projek, Bahagian Kependudukan bertanggungjawab dalam pelaksanaan kajian, iaitu daripada kerja lapangan hinggalah kepada penyediaan laporan kajian.



# BAB 2 KAEDAH KAJIAN

- RANGKA PENSAMPELAN
- REKA BENTUK PENSAMPELAN DAN SAIZ SAMPEL
- LIPUTAN
- SOAL SELIDIK
- LATIHAN
- KERJA LAPANGAN
- PROSES DATA DAN SKOP LAPORAN

BAB 2

# KAEDAH KAJIAN

## RANGKA PENSAMPELAN

Rangka pensampelan yang digunakan bagi pemilihan sampel KPKM-5 adalah berdasarkan Rangka Pensampelan Isi Rumah Kebangsaan (RPIK) yang terdiri dari Blok Perhitungan (BP) yang diguna pakai semasa Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2010. BP dalam rangka pensampelan dikelaskan mengikut kawasan bandar dan luar bandar. Kawasan bandar ditakrif sebagaimana yang telah digunakan dalam Banci Penduduk dan Perumahan 2010.

**DEFINISI/TERMINOLOGI:**
**Blok perhitungan (BP):** BP merupakan kawasan muka bumi yang diwujudkan secara rekaan untuk tujuan operasi kerja di lapangan dan mempunyai sempadan tertentu. Setiap BP mengandungi antara 80 hingga 120 Tempat Kediaman (TK). Semua BP dibentuk dalam lingkungan sempadan yang diwartakan iaitu di dalam daerah pentadbiran, mukim atau pihak berkuasa tempatan.
**Tempat Kediaman (TK):** TK ditakrifkan sebagai struktur berasingan dan bebas yang lazimnya digunakan untuk tempat tinggal. Terdapat dua kategori tempat kediaman iaitu unit perumahan dan tempat kediaman beramai-ramai.

**Reka bentuk pensampelan**

**RANGKA PENSAMPELAN**
Berasaskan kepada Rangka Pensampelan Isi Rumah Kebangsaan (RPIK) 2010

**PENSAMPELAN BERSTRATA 2 PERINGKAT**
Strata utama (Negeri)
Strata kedua (Bandar/Luar Bandar)

## REKA BENTUK PENSAMPELAN DAN SAIZ SAMPEL

Pihak Jabatan Perangkaan Malaysia telah memberi bantuan dan khidmat teknikal kepada LPPKN dalam mereka bentuk kaedah pensampelan dan pemilihan sampel. Kajian ini menggunakan reka bentuk pensampelan berstrata dua peringkat di mana proses pengelasan strata dilakukan mengikut negeri di Malaysia sebagai strata utama dan strata kedua yang merujuk kepada strata bandar dan luar bandar bagi semua negeri di Malaysia. Pemilihan sampel dilakukan mengikut dua peringkat iaitu pemilihan BP sebagai unit pensampelan peringkat pertama dengan menggunakan kaedah kebarangkalian berkadaran kepada saiz. Di peringkat kedua, sampel tempat kediaman (TK) dipilih daripada BP yang terpilih dengan menggunakan kaedah sistematik melalui penjanaan nombor rawak dan menetapkan selang pemilihan supaya setiap TK mempunyai kebarangkalian yang sama untuk terpilih. Sehubungan itu, sebanyak 2,889 BP dan 23,112 TK telah dipilih dalam kajian ini.

## LIPUTAN

Dari segi geografi, kajian ini meliputi kawasan bandar dan luar bandar termasuk kawasan pedalaman bagi negeri-negeri di Malaysia. Liputan kajian ini ialah isi rumah yang tinggal di unit perumahan sahaja dan tidak termasuk mereka yang tinggal di tempat kediaman beramai-ramai seperti asrama, hotel, hospital, rumah orang tua, penjara dan rumah kebajikan.

Terdapat lima kategori kumpulan sasar yang diliputi dalam isi rumah terpilih iaitu wanita

pernah berkahwin berumur 15-59 tahun; lelaki pernah berkahwin berumur 15-59 tahun; remaja belum pernah berkahwin berumur 13-24 tahun; warga emas berumur 60 tahun dan ke atas; dan bujang berumur 25-49 tahun.

Maklumat yang diliputi bagi setiap kumpulan sasar adalah berkaitan penduduk, tempat kediaman dan isi rumah, pembentukan keluarga, kesuburan, perancang keluarga, kehidupan berkeluarga, amalan kesihatan, warga emas serta sosial dan seksual remaja.

## SOAL SELIDIK

Kajian ini menggunakan enam jenis soal selidik iaitu: Penyenaraian dan penapisan isi rumah (MPFS 50); Wanita pernah berkahwin berumur 15-59 tahun (MPFS 51); Lelaki pernah berkahwin berumur 15-59 tahun

### BILANGAN BP DAN TK MENGIKUT NEGERI

**2,889** Blok Perhitungan (BP)

**23,112** Tempat Kediaman (TK)




| | | Bilangan BP | Bilangan TK |
|---|---|---|---|
| 1 | Johor | 352 | 2,816 |
| 2 | Kedah | 211 | 1,688 |
| 3 | Kelantan | 144 | 1,152 |
| 4 | Melaka | 126 | 1,008 |
| 5 | Negeri Sembilan | 126 | 1,008 |
| 6 | Pahang | 149 | 1,192 |
| 7 | Pulau Pinang | 196 | 1,568 |
| 8 | Perak | 268 | 2,144 |

| | | Bilangan TK sesuai ditemu bual | Bilangan TK berjaya ditemu bual |
|---|---|---|---|
| 9 | Perlis | 43 | 344 |
| 10 | Selangor | 454 | 3,632 |
| 11 | Terengganu | 96 | 768 |
| 12 | Sabah | 211 | 1,688 |
| 13 | Sarawak | 244 | 1,952 |
| 14 | W.P. Kuala Lumpur | 203 | 1,624 |
| 15 | W.P. Labuan | 43 | 344 |
| 16 | W.P. Putrajaya | 23 | 184 |




(MPFS 52); Remaja belum pernah berkahwin berumur 13-24 tahun (MPFS 53); Warga emas berumur 60 tahun dan ke atas (MPFS 54); dan Bujang berumur 25-49 tahun (MPFS 55). Isi kandungan dan topik yang terdapat dalam setiap jenis soal selidik KPKM-5 adalah berasaskan soal selidik dalam siri kajian terdahulu. Modifikasi dan penambahbaikan terhadap soal selidik KPKM-5 telah dilakukan melalui sesi perbincangan dan mesyuarat bersama pihak agensi kerajaan, badan bukan kerajaan dan institusi pengajian tinggi bagi memastikan isu-isu dan maklumat yang terkini dan relevan berkaitan kependudukan, kekeluargaan dan kesihatan reproduktif dapat dikumpulkan. Selain itu, hasil respons berasaskan pra-uji yang dilaksanakan dalam bulan November 2013 juga telah digunakan untuk menambah baik soal selidik.

## LATIHAN

Kajian ini telah melibatkan seramai 250 orang anggota yang terdiri daripada Perangkawan, Penolong Pegawai Perangkaan, Pembantu Perangkaan dan Pemandu. Sebelum kerja lapangan dimulakan, para penemu bual telah diberikan latihan dan panduan yang intensif berkaitan latar belakang KPKM-5, soal selidik dan etika kerja di lapangan. Mereka juga diberikan pendedahan tentang motivasi diri, kaedah komunikasi berkesan, semangat kerja berkumpulan dan sebagainya. Latihan tersebut dilaksanakan selama dua minggu secara serentak di Semenanjung, Sabah dan Sarawak.

## KERJA LAPANGAN

Setelah menjalani latihan, para penemu bual telah memulakan kerja lapangan secara serentak di Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Para penemu bual telah dibahagikan kepada 10 kumpulan. Setiap kumpulan diketuai seorang Perangkawan yang bertindak sebagai pemantau bagi kumpulan tersebut, seorang Penolong Pegawai Perangkaan yang bertindak sebagai Penyelia Lapangan, dua orang Pembantu Perangkaan Kanan yang bertindak sebagai



Pembantu Penyelia, 15-20 orang Pembantu Perangkaan yang bertindak sebagai penemu bual dan 3 orang Pemandu. Kerja lapangan bagi kawasan Semenanjung Malaysia telah dimulakan pada 1 September 2014 dan berakhir pada 31 Januari 2015. Manakala bagi kawasan Sabah dan Sarawak pula bermula dari 15 September 2014 sehingga 14 Disember 2014.

Pengumpulan data dijalankan dengan menggunakan kaedah temu bual bersemuka. Pegawai dan penemu bual melawat TK terpilih bagi mengumpul maklumat dengan menggunakan borang soal selidik yang ditetapkan mengikut kategori kumpulan sasar. Temu bual kemudian dijalankan ke atas isi rumah yang terpilih mengikut kumpulan sasar yang telah ditetapkan dalam kajian ini.

## TABURAN TK SESUAI DAN BERJAYA DITEMU BUAL MENGIKUT NEGERI




| | Negeri | Bilangan TK dilawati | Bilangan TK sesuai ditemu bual | Bilangan TK berjaya ditemu bual |
|---|---|---|---|---|
| 1 | Johor | 2,816 | 2,443 (86.8%) | 1,645 (67.3%) |
| 2 | Kedah | 1,688 | 1,424 (84.4%) | 980 (68.8%) |
| 3 | Kelantan | 1,152 | 983 (85.3%) | 802 (81.6%) |
| 4 | Melaka | 1,008 | 863 (85.6%) | 698 (80.9%) |
| 5 | N. Sembilan | 1,008 | 936 (92.9%) | 700 (74.8%) |
| 6 | Pahang | 1,192 | 1,040 (87.2%) | 863 (83.0%) |
| 7 | Pulau Pinang | 1,568 | 1,315 (83.9%) | 680 (51.7%) |
| 8 | Perak | 2,144 | 1,933 (90.2%) | 1,188 (61.5%) |
| 9 | Perlis | 344 | 312 (90.7%) | 224 (71.8%) |
| 10 | Selangor | 3,632 | 3,076 (84.7%) | 1,924 (62.5%) |
| 11 | Terengganu | 768 | 670 (87.2%) | 455 (67.9%) |
| 12 | Sabah | 1,688 | 1,370 (81.2%) | 1,095 (79.9%) |
| 13 | Sarawak | 1,952 | 1,621 (83.0%) | 1,268 (78.2%) |
| 14 | W.P. Kuala Lumpur | 1,624 | 1,342 (82.6%) | 972 (72.4%) |
| 15 | W.P. Labuan | 344 | 297 (86.3%) | 228 (76.8%) |
| 16 | W.P. Putrajaya | 184 | 166 (90.2%) | 134 (80.7%) |

Semakan kualiti data dibuat oleh pegawai berpengalaman dari LPPKN bagi mengesan dan membetulkan sebarang kesilapan atau maklumat yang tertinggal ketika temu bual dilakukan. Proses semakan semula di lapangan juga dilaksanakan ke atas isi rumah terpilih untuk memastikan data yang dipungut adalah berkualiti. Lawatan ulangan sebanyak tiga kali bagi setiap TK terpilih juga dilakukan ke atas TK yang bermasalah bertujuan meningkatkan kadar respons.

Secara keseluruhannya, daripada 23,112 TK yang dilawati, sebanyak 19,791 (85.6%) TK dikategorikan sesuai untuk ditemu bual. Antara negeri yang mencatat peratusan yang tinggi bagi TK sesuai ditemu bual adalah Negeri Sembilan (92.9%), Perlis (90.7%), Perak (90.2%), dan W.P Putrajaya (90.2%). Bagi TK yang dikategorikan tidak sesuai ditemu bual pula, TK kosong merupakan faktor utama TK terpilih tidak sesuai ditemu bual iaitu sebanyak 1,729 (7.5%). Daripada 19,791 TK yang dikategorikan sesuai untuk ditemu bual, sebanyak 13,856 (70.0%) TK telah berjaya ditemu bual. Meskipun lawatan ulangan sebanyak tiga kali telah dibuat, namun masih ada TK yang tidak berjaya ditemu bual. Faktor utama temu bual tidak berjaya dilakukan disebabkan oleh tiada orang di rumah iaitu 17.3 peratus. Selain itu, responden yang ditemui enggan memberi kerjasama atau ditemu bual (10.5%) juga merupakan antara faktor penyumbang kepada pengurangan peratus kejayaan temu bual.

Daripada 13,856 TK yang telah berjaya ditemu bual, sebanyak 14,156 isi rumah telah berjaya diperoleh. Ini menunjukkan bahawa terdapat lebih daripada satu isi rumah di dalam setiap TK terpilih. Daripada jumlah

**Capaian kerja lapangan**




| Sebab tidak sesuai | Bilangan | Peratus |
|---|---|---|
| Kosong | 1,729 | 7.5 |
| Berubah status | 682 | 3.0 |
| Roboh | 368 | 1.6 |
| Tidak dijumpai | 257 | 1.1 |
| Tidak mendapat kebenaran | 243 | 1.1 |
| Bahaya | 42 | 0.2 |
| **Jumlah** | **3,321** | **14.4** |

| Sebab tidak berjaya ditemu bual | Bilangan | Peratus |
|---|---|---|
| Tiada orang di rumah | 3,434 | 17.3 |
| Enggan beri kerjasama | 2,074 | 10.5 |
| Masalah bahasa | 185 | 0.9 |
| Tiada orang dewasa di rumah | 115 | 0.6 |
| Tiada responden yang sesuai | 55 | 0.3 |
| Masalah kesihatan | 46 | 0.2 |
| Lain-lain * | 26 | 0.1 |
| **Jumlah** | **5,935** | **30.0** |

** kematian, kenduri*

Jadual 2.1: Bilangan isi rumah dan responden yang berjaya ditemu bual mengikut negeri

| Negeri | MPFS 50 | | MPFS 51 | MPFS 52 | MPFS 53 | MPFS 54 | MPFS 55 |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | Bil. Isi Rumah | Bil. Ahli Isi Rumah | | | | | |
| Johor | 1,658 | 6,651 | 976 | 559 | 564 | 515 | 165 |
| Kedah | 994 | 3,993 | 627 | 398 | 402 | 354 | 94 |
| Kelantan | 810 | 3,456 | 481 | 251 | 305 | 273 | 62 |
| Melaka | 744 | 2,826 | 394 | 240 | 359 | 256 | 78 |
| Negeri Sembilan | 704 | 2,583 | 380 | 222 | 260 | 281 | 51 |
| Pahang | 869 | 3,521 | 484 | 242 | 298 | 293 | 71 |
| Pulau Pinang | 695 | 2,631 | 291 | 166 | 192 | 189 | 62 |
| Perak | 1,195 | 4,594 | 538 | 123 | 344 | 379 | 53 |
| Perlis | 224 | 907 | 141 | 87 | 108 | 105 | 30 |
| Selangor | 2,009 | 8,023 | 898 | 530 | 705 | 366 | 222 |
| Terengganu | 462 | 2,062 | 267 | 130 | 187 | 144 | 39 |
| Sabah | 1,114 | 5,202 | 601 | 342 | 525 | 232 | 129 |
| Sarawak | 1,293 | 5,420 | 910 | 459 | 593 | 451 | 175 |
| W.P. Kuala Lumpur | 1,008 | 3,750 | 406 | 240 | 351 | 185 | 135 |
| W.P. Labuan | 238 | 1,093 | 154 | 105 | 80 | 28 | 29 |
| W.P. Putrajaya | 139 | 534 | 96 | 73 | 31 | 8 | 13 |
| **Jumlah** | **14,156** | **57,246** | **7,644** | **4,167** | **5,304** | **4,059** | **1,408** |

isi rumah tersebut, seramai 57,246 orang ahli isi rumah telah berjaya diliputi. Bilangan responden mengikut setiap jenis soal selidik adalah seperti di Jadual 2.1.

## PROSES DATA DAN SKOP LAPORAN

Semakan kualiti data kajian dimulakan semasa di lapangan di mana soal selidik yang telah lengkap diisi disemak oleh dua orang penemu bual yang berlainan. Pegawai berpengalaman LPPKN menyemak dan mengesan sebarang kesilapan atau maklumat yang tertinggal ketika temu bual dilakukan. Penyelia melakukan semakan secara rambang terhadap soal selidik yang telah disemak oleh penemu bual. Jika terdapat maklumat yang menimbulkan keraguan, lawatan ulangan ke TK responden dilakukan. Semua soal selidik dihantar ke ibu pejabat untuk semakan terakhir sebelum kerja-kerja kemasukan data dijalankan. Kerja-kerja kemasukan data selesai dilaksanakan dalam bulan April 2015. Laporan ini membentangkan analisis data bagi peringkat nasional. Analisis terhadap isu-isu dalam setiap kumpulan sasar dijalankan dengan mengambil kira wajaran mengikut taburan penduduk di Malaysia.




KAJIAN
PENDUDUK &
KELUARGA
MALAYSIA
KELIMA 2014





# BAB 3
# PENEMUAN UTAMA

BAHAGIAN 1: PENDUDUK

BAHAGIAN 2: ISI RUMAH

BAHAGIAN 3: PEMBENTUKAN KELUARGA

BAHAGIAN 4: KEHIDUPAN BERKELUARGA

BAHAGIAN 5: INTERAKSI SOSIAL

BAHAGIAN 6: WANITA DAN KERJAYA

BAHAGIAN 7: KESUBURAN DAN KESIHATAN REPRODUKTIF

BAHAGIAN 1

# PENDUDUK

## PENGENALAN

Bahagian ini meneliti keadaan demografi dan sosioekonomi penduduk di Malaysia yang meliputi struktur umur, komposisi etnik, agama, perkahwinan dan kadar penyertaan tenaga buruh. Hasil daripada 13,856 tempat kediaman yang telah dikunjungi semasa kajian, maklumat berkenaan dengan 57,246 orang ahli isi rumah telah dikumpulkan melalui soalan selidik Penyenaraian dan penapisan isi rumah (MPFS 50). Semua maklumat di bahagian ini telah disesuaikan untuk mengatasi masalah kurang liputan dengan menggunakan kaedah analisis berwajaran. Kaedah ini digunakan agar hasil kajian dapat menggambarkan keadaan sebenar penduduk di negara ini secara keseluruhan.

## STRUKTUR UMUR

Kajian mendapati 25.7 peratus daripada keseluruhan penduduk adalah terdiri daripada penduduk muda yang berumur di bawah 15 tahun. Sementara itu, sebanyak 8.8 peratus penduduk terdiri daripada warga emas iaitu penduduk yang berumur 60 tahun dan ke atas.

**Struktur Umur Penduduk**



## KOMPOSISI ETNIK

Kajian ini mendapati 92.0 peratus daripada keseluruhan penduduk di negara ini ialah warganegara Malaysia. Penduduk warganegara pula terdiri daripada kumpulan etnik Melayu (55.0%), Bumiputera lain (13.0%), Cina (23.8%), India (7.2%) dan lain-lain (0.9%).

**Komposisi Etnik**

**WARGANEGARA**

**92.0%**

| 55.0% | 13.0% | 23.8% | 7.2% | 0.9% |
|---|---|---|---|---|
| MELAYU | BUMIPUTERA LAIN | CINA | INDIA | LAIN-LAIN |

**BUKAN WARGANEGARA**

**8.0%**

## AGAMA

Kajian ini mendapati 63.4 peratus daripada keseluruhan penduduk di negara ini adalah beragama Islam. Sementara itu, 18.6 peratus daripada keseluruhan penduduk adalah beragama Buddha dan diikuti 9.9 peratus Kristian, 5.8 peratus Hindu dan 2.3 peratus lain-lain.

**Agama**

| 63.4% | 18.6% | 9.9% | 5.8% | 2.3% |
|---|---|---|---|---|
| ISLAM | BUDDHA | KRISTIAN | HINDU | LAIN-LAIN* |

**termasuk Confucian/Taoism/agama tradisi lain kaum Cina, agama suku kaum/'folk',tiada agama dan lain-lain*

## PERKAHWINAN

### Status perkahwinan

Dalam kajian ini, hanya perkahwinan yang berdaftar, mengikut agama dan adat resam, serta mengikut undang-undang awam sahaja yang diambil kira untuk dianalisis. Di samping itu, analisis perkahwinan ini hanya dilakukan ke atas penduduk yang berumur 15 tahun dan ke atas sahaja. Secara keseluruhannya, didapati peratusan penduduk yang berkahwin ialah 60.7 peratus. Sementara itu, penduduk yang belum pernah berkahwin ialah 31.3 peratus, balu/duda 6.2 peratus, bercerai 1.5 peratus dan berpisah 0.4 peratus.

**DEFINISI/TERMINOLOGI:**
**Status perkahwinan**
**Masih berkahwin:** Pasangan yang telah melalui proses perkahwinan yang sah dan perhubungan yang diizinkan mengikut kehendak agama atau kepercayaan atau adat atau budaya dan pada masa temu bual didapati masih bersama atau masih berkahwin.
**Balu/Duda:** Merujuk kepada seseorang yang pada masa temu bual belum berkahwin semula selepas kematian pasangan masing-masing.
**Bercerai:** Merujuk kepada seseorang yang pada masa temu bual belum berkahwin semula selepas bercerai secara sah dengan pasangan masing-masing.
**Berpisah:** Merujuk kepada seseorang yang telah tinggal berasingan sementara menunggu pengesahan proses perceraian (belum bercerai secara sah).
**Tidak pernah berkahwin:** Merujuk kepada seseorang yang pada masa temu bual sememangnya belum pernah berkahwin.

**Status perkahwinan**



## Umur min singulat perkahwinan

Kecenderungan penduduk lelaki dan perempuan untuk berkahwin pada usia yang lewat dapat dilihat pada umur min perkahwinan pertama. Analisis bagi umur min singulat perkahwinan dilakukan ke atas penduduk yang berumur 15 tahun dan ke atas sahaja. Secara puratanya, didapati penduduk lelaki berkahwin pada umur 29.3 tahun manakala perempuan pada umur 26.2 tahun. Ini menunjukkan bahawa penduduk lelaki lebih cenderung untuk berkahwin pada usia yang lewat berbanding perempuan.

**DEFINISI/TERMINOLOGI:**
**Umur min singulat perkahwinan:** Umur min singulat perkahwinan yang merupakan satu kaedah tidak langsung untuk mengukur umur min pada perkahwinan pertama bagi mereka yang akan berkahwin. Ia diperoleh daripada perkadaran mereka yang belum pernah berkahwin dalam kumpulan umur yang berbeza.

**Umur min singulat perkahwinan**




## KADAR PENYERTAAN TENAGA BURUH

Secara umumnya, tenaga buruh merujuk kepada penduduk dalam kumpulan umur bekerja sama ada bekerja atau menganggur. Sementara itu, kadar penyertaan tenaga buruh (KPTB) pula merujuk kepada peratusan penduduk yang terlibat dalam tenaga buruh daripada keseluruhan penduduk dalam kumpulan umur bekerja iaitu yang berumur antara 15 hingga 64 tahun. Analisis mendapati KPTB bagi lelaki adalah 83.5 peratus sementara perempuan 51.0 peratus.

**DEFINISI/TERMINOLOGI:**
**Umur bekerja**: Merujuk kepada mereka yang berumur 15 hingga 64 tahun (dalam tahun genap pada hari jadi terakhir) semasa minggu rujukan, sama ada berada di dalam tenaga buruh atau di luar tenaga buruh.
**Tenaga buruh**: Merujuk kepada mereka yang berumur 15 hingga 64 tahun (dalam tahun genap pada hari jadi terakhir) semasa minggu rujukan, sama ada bekerja atau menganggur.
**Kadar penyertaan tenaga buruh (KPTB)**: Ditakrifkan sebagai perkadaran penduduk dalam tenaga buruh kepada jumlah penduduk dalam umur bekerja (15-64 tahun) yang dipersembahkan dalam bentuk peratus.

**Kadar penyertaan tenaga buruh**



# ISI RUMAH

## PENGENALAN

Bahagian ini menerangkan secara ringkas tentang keadaan isi rumah dan tempat kediaman penduduk di negara ini yang meliputi jenis isi rumah, saiz dan ketua isi rumah dan pemilikan tempat kediaman. Hasil daripada 13,856 tempat kediaman yang telah dikunjungi semasa kajian, maklumat berkenaan dengan 14,156 buah isi rumah telah dikumpulkan melalui soal selidik Penyenaraian dan penapisan isi rumah (MPFS 50).

## JENIS ISI RUMAH

Secara keseluruhannya, daripada jumlah isi rumah yang diliputi dalam kajian ini, didapati isi rumah keluarga asas mencatatkan peratusan tertinggi iaitu 66.4 peratus. Ini diikuti oleh isi rumah keluarga luas (20.8%), isi rumah perseorangan (8.5%), isi rumah ahli-ahli bukan bersaudara (2.6%) dan isi rumah ahli-ahli bersaudara lain (1.7%).

**Jenis isi rumah**

| | |
|---|---|
| Isi rumah keluarga asas | 66.4% |
| Isi rumah keluarga luas | 20.8% |
| Isi rumah perseorangan | 8.5% |
| Isi rumah ahli-ahli bukan bersaudara | 2.6% |
| Isi rumah ahli-ahli bersaudara lain | 1.7% |

**DEFINISI/TERMINOLOGI:**

**Isi rumah:** Isi rumah terdiri daripada orang yang bersaudara dan/atau orang yang tidak bersaudara yang biasanya tinggal bersama dan membuat peruntukan yang sama untuk makanan dan keperluan hidup yang lain.

**Isi rumah keluarga asas:** Isi rumah yang mengandungi orang yang bersaudara melalui pertalian darah, perkahwinan atau saudara angkat. Terdiri daripada suami, isteri dan anak-anak yang belum pernah berkahwin.

**Isi rumah keluarga luas:** Isi rumah ini merujuk kepada isi rumah keluarga asas, termasuk ibu bapa atau anak yang telah berkahwin ataupun orang yang bersaudara. Terdiri daripada suami, isteri, anak-anak dan datuk, nenek atau saudara lain.

**Isi rumah perseorangan:** Seorang ahli yang membuat peruntukan sendiri bagi makanan dan keperluan hidup lain, tanpa berkongsi dengan orang lain. Terdiri daripada seorang individu yang tinggal di dalam satu tempat kediaman.

**Isi rumah ahli-ahli bukan bersaudara:** Isi rumah yang mengandungi ketua dan ahli-ahlinya tidak bersaudara dengan ketua. Terdiri daripada beberapa individu yang tinggal dalam satu tempat kediaman dan mereka tidak mempunyai talian persaudaraan antara satu sama lain.

**Isi rumah ahli-ahli bersaudara lain:** Isi rumah jenis ini terdiri daripada ketua isi rumah dan ahli-ahli yang bersaudara dengan ketua (selain daripada ibu bapa atau anak). Isi rumah jenis ini mungkin termasuk orang lain yang tidak bersaudara. Terdiri daripada ketua isi rumah dan ahli-ahli yang bersaudara dengan ketua (selain daripada ibu bapa atau anak).




## SAIZ DAN KETUA ISI RUMAH

Saiz isi rumah adalah bilangan purata orang bagi setiap isi rumah. Saiz isi rumah yang didapati dalam kajian ini ialah 4.0 orang. Umumnya, dari segi budaya, seorang lelaki adalah dianggap sebagai ketua isi rumah di mana ketua tersebut adalah merupakan penyumbang terbesar dalam ekonomi isi rumah tersebut. Hasil kajian mendapati majoriti ketua isi rumah adalah lelaki iaitu 82.0 peratus daripada keseluruhan ketua isi rumah.

**DEFINISI/TERMINOLOGI:**
**Ketua isi rumah**: Merujuk kepada orang yang dianggap oleh kesemua ahli isi rumah sebagai 'Ketua' dan pada kebiasaannya hanya seorang ketua sahaja bagi setiap isi rumah. Seorang ketua kebiasaannya orang yang sudah berkahwin dan orang utama mencari nafkah untuk isi rumah tersebut.




## PEMILIKAN TEMPAT KEDIAMAN

Pemilikan sesebuah tempat kediaman adalah berkait rapat dengan keadaan ekonomi sesuatu isi rumah atau individu. Kajian ini mendapati hampir 70.0 peratus daripada jumlah tempat kediaman yang diliputi dalam kajian ini adalah tempat kediaman pemilikan sendiri (68.9%), diikuti disewa (21.5%), milik majikan (5.1%) dan lain-lain (4.5%).

# PEMBENTUKAN KELUARGA

## PENGENALAN

Dalam bahagian ini, analisis terbahagi kepada dua bahagian iaitu perkahwinan dan pembujangan. Bahagian perkahwinan membincangkan mengenai status perkahwinan semasa, umur perkahwinan pertama, status perkahwinan pertama, tempoh perkahwinan pertama yang berakhir dengan penceraian/perpisahan dan punca penceraian/perpisahan perkahwinan pertama. Analisis dalam bahagian perkahwinan ini dibuat dalam kalangan wanita dan lelaki pernah berkahwin berumur 15-59 tahun.

Bahagian pembujangan pula membincangkan perihal hasrat berkahwin dalam kalangan penduduk bujang berumur 25-49 tahun. Bagi yang berhasrat untuk berkahwin, analisis berkaitan umur berhasrat untuk berkahwin, sebab utama belum berkahwin, serta pendapat mengenai kos perbelanjaan perkahwinan turut dikaji.

## PERKAHWINAN

### Status perkahwinan semasa

Status perkahwinan semasa merujuk kepada status perkahwinan pada masa kajian dijalankan. Bagi lelaki, sebanyak 96.3 peratus adalah masih berkahwin, 1.6 peratus duda dan 2.1 peratus bercerai/berpisah. Manakala bagi wanita pula, 90.1 peratus adalah masih berkahwin, 5.3 peratus balu dan 4.5 peratus bercerai/berpisah.

**Status perkahwinan semasa**



# BAHAGIAN 3
# PEMBENTUKAN KELUARGA

**Purata umur perkahwinan pertama**




**Status perkahwinan pertama**




**Tempoh perkahwinan pertama**




## Perkahwinan pertama

### *Purata umur perkahwinan pertama*

Secara keseluruhannya, purata umur perkahwinan pertama lelaki ialah 26.4 tahun dan wanita pula ialah 23.0 tahun.

### *Status perkahwinan pertama*

Bagi melihat kestabilan sesuatu perkahwinan, analisis terhadap status perkahwinan pertama dilakukan. Bagi lelaki, sebanyak 91.4 peratus masih berkahwin, 2.1 peratus duda dan 6.5 peratus bercerai/berpisah. Bagi wanita pula, sebanyak 84.7 peratus masih berkahwin, 6.3 peratus balu dan 9.0 peratus bercerai/berpisah.

### *Tempoh perkahwinan pertama*

Lebih satu pertiga perkahwinan pertama yang berakhir dengan penceraian/perpisahan berlaku dalam tempoh kurang daripada 5 tahun. Didapati peratusan wanita (37.3%) yang bercerai/berpisah dalam tempoh tersebut adalah tinggi sedikit berbanding lelaki (35.4%).

### *Punca penceraian/perpisahan*

Lebih separuh (56.2%) lelaki menyatakan punca utama mereka bercerai/berpisah adalah kerana tiada persefahaman. Ini diikuti dengan isteri curang (11.8%) dan campurtangan mentua/ipar-duai (10.0%). Manakala bagi wanita pula, lebih satu pertiga (38.0%) menyatakan punca utama mereka bercerai/berpisah adalah kerana tiada persefahaman. Ini diikuti dengan suami curang (20.5%) dan suami tidak bertanggungjawab (15.2%).

**Punca penceraian/perpisahan (perkahwinan pertama)**

**Lelaki**

| | |
|---|---|
| Tiada persefahaman | 56.2% |
| Pasangan curang | 11.8% |
| Campurtangan mentua/ipar duai | 10.0% |
| Lain-lain* | 22.0% |

** termasuk masalah kewangan, pasangan tidak bertanggungjawab, tiada zuriat, masalah kesihatan pasangan, pasangan terlibat dengan kes jenayah dan sebagainya.*

**Wanita**

| | |
|---|---|
| Tiada persefahaman | 38.0% |
| Pasangan curang | 20.5% |
| Pasangan tidak bertanggungjawab | 15.2% |
| Campurtangan mentua/ipar duai | 6.0% |
| Enggan dimadukan | 2.8% |
| Masalah kewangan | 4.7% |
| Pasangan terlibat penyalahgunaan bahan terlarang | 2.4% |
| Lain-lain** | 10.4% |

*** termasuk didera, tiada zuriat, pasangan ketagihan judi, masalah kesihatan pasangan, pasangan terlibat dengan kes jenayah dan sebagainya.*










## PEMBUJANGAN

### Hasrat berkahwin

Secara keseluruhan, sebanyak 86.8 peratus penduduk bujang mempunyai hasrat untuk berkahwin. Hasrat untuk berkahwin adalah lebih tinggi dalam kalangan lelaki (90.7%) berbanding perempuan (80.3%).

### Umur berhasrat ingin berkahwin

Penduduk bujang yang berhasrat untuk berkahwin turut ditanya mengenai pada umur berapa mereka ingin berkahwin. Didapati purata umur ingin berkahwin ialah 31 tahun. Purata umur ingin berkahwin bagi lelaki bujang (32 tahun) adalah lebih tinggi berbanding perempuan (30 tahun).

### Sebab-sebab masih belum berkahwin

Penduduk bujang yang berhasrat untuk berkahwin juga ditanya apakah sebab utama mereka masih belum berkahwin. Analisis mengikut jantina mendapati tiga sebab utama masih belum berkahwin bagi lelaki adalah kerana masalah kewangan (56.0%), tiada calon sesuai (18.4%) dan ingin tumpukan kepada kemajuan kerjaya (9.4%). Manakala tiga sebab utama masih belum berkahwin bagi perempuan pula adalah tiada calon sesuai (35.7%), masalah kewangan (26.0%) dan ingin menumpukan kepada kemajuan kerjaya (18.1%).

## Pendapat mengenai kos perbelanjaan perkahwinan

Masalah kewangan merupakan salah satu sebab utama mengapa penduduk bujang masih belum berkahwin. Semua penduduk bujang telah disoal tentang pendapat mereka mengenai kos perbelanjaan perkahwinan. Secara keseluruhannya, anggaran purata perbelanjaan perkahwinan yang mampu disediakan penduduk bujang adalah lebih kurang RM14,000.00. Anggaran purata perbelanjaan yang mampu disediakan oleh lelaki dan perempuan adalah tidak jauh berbeza masing-masing RM14,000.00 dan RM13,000.00. Manakala anggaran purata perbelanjaan minimum perkahwinan yang diperlukan untuk sesebuah perkahwinan adalah lebih kurang RM20,000.00. Analisis mengikut jantina mendapati anggaran purata perbelanjaan minimum perkahwinan bagi perempuan (RM21,000.00) adalah lebih tinggi berbanding lelaki (RM19,000.00).





# BAHAGIAN 4

# KEHIDUPAN BERKELUARGA

## PENGENALAN

Keluarga merupakan institusi asas yang penting dalam pembentukan masyarakat dan negara. Bagi membentuk kehidupan keluarga yang harmoni, interaksi antara ahli keluarga perlu diutamakan. Justeru bahagian ini akan membincangkan mengenai perihal kehidupan berkeluarga dalam kalangan lelaki dan wanita pernah berkahwin berumur 15-59 tahun, remaja berumur 13-24 tahun serta warga emas berumur 60 tahun dan ke atas.

Dalam kalangan lelaki dan wanita yang pernah berkahwin, isu-isu mengenai pembuat keputusan dalam keluarga, cabaran keluarga, bantuan kepada ibu bapa dan penerapan nilai murni kepada anak-anak remaja akan dianalisis. Isu-isu mengenai hubungan remaja dengan ibu bapa, aktiviti remaja bersama keluarga dan aspirasi remaja mengenai pendidikan turut dianalisis. Bahagian ini juga menganalisis jenis bantuan yang diterima dan diberikan oleh warga emas yang mempunyai anak serta aturan tempat tinggal mereka.

## CABARAN KELUARGA

### Masalah keluarga

Secara keseluruhannya, tiga masalah utama yang dihadapi oleh lelaki dan wanita yang pernah berkahwin adalah perbelanjaan pendidikan anak, perbelanjaan keperluan keluarga dan disiplin anak remaja.




### Keluarga komuter

Antara cabaran baru yang terpaksa dihadapi pasangan berkahwin pada masa kini ialah isu keluarga komuter. Sebanyak 6.9 peratus wanita yang masih berkahwin tinggal berjauhan dengan suami mereka atas faktor pekerjaan.

**DEFINISI/TERMINOLOGI:**
**Keluarga komuter:** Merujuk kepada pasangan masih berkahwin yang tinggal berjauhan atas faktor pekerjaan dan berjumpa sekurang-kurangnya sekali dalam seminggu.

## PEMBUAT KEPUTUSAN DALAM KELUARGA

Analisis berkaitan pembuat keputusan dalam keluarga ditumpukan kepada lapan perkara, iaitu perbelanjaan keperluan keluarga, membeli/membina rumah, membeli harta, pelajaran/ persekolahan anak, disiplin anak-anak, percutian/ziarah keluarga, simpanan/pelaburan keluarga/insurans dan juga hal berkaitan kerjaya. Secara keseluruhannya, suami dan isteri membuat keputusan secara bersama dalam semua hal kecuali bagi hal kerjaya.

**Pembuat keputusan dalam keluarga**

| Keputusan | Peratus | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | Suami | Isteri | Suami dan isteri | Suami, isteri dan anak | Lain-lain |
| **PERSEPSI LELAKI** | | | | | |
| Perbelanjaan keperluan keluarga | 32.2 | 16.7 | 48.1 | 0.9 | 2.0 |
| Membeli/membina rumah | 36.9 | 6.5 | 53.6 | 1.1 | 1.9 |
| Membeli harta | 37.7 | 4.3 | 55.0 | 1.4 | 1.5 |
| Pelajaran/persekolahan anak | 23.5 | 11.9 | 58.7 | 3.6 | 2.2 |
| Disiplin anak-anak | 22.8 | 10.3 | 62.7 | 3.0 | 1.3 |
| Percutian/ziarah keluarga | 24.4 | 8.4 | 60.8 | 4.9 | 1.6 |
| Simpanan/pelaburan keluarga/insurans | 36.2 | 10.2 | 52.1 | 0.7 | 0.8 |
| Kerjaya | 71.7 | 1.6 | 25.8 | 0.5 | 0.4 |
| **PERSEPSI WANITA** | | | | | |
| Perbelanjaan keperluan keluarga | 33.7 | 22.4 | 37.6 | 1.1 | 5.2 |
| Membeli/membina rumah | 16.3 | 31.9 | 45.1 | 1.1 | 5.6 |
| Membeli harta | 13.7 | 32.7 | 46.3 | 1.4 | 5.8 |
| Pelajaran/persekolahan anak | 25.6 | 14.8 | 50.2 | 4.7 | 4.7 |
| Disiplin anak-anak | 28.0 | 10.6 | 56.1 | 2.7 | 2.6 |
| Percutian/ziarah keluarga | 21.0 | 16.0 | 51.6 | 5.7 | 5.7 |
| Simpanan/pelaburan keluarga/insurans | 28.7 | 21.0 | 46.2 | 0.9 | 3.3 |
| Kerjaya | 54.7 | 12.3 | 30.5 | 0.4 | 2.1 |

## SOKONGAN KELUARGA

### Bantuan kepada ibu bapa/mentua

Kebiasaannya, sudah menjadi tanggungjawab anak-anak dalam memberikan perhatian dan bantuan kepada ibu bapa. Analisis terhadap bantuan kepada ibu bapa/mentua ditumpukan kepada tiga jenis bantuan iaitu kewangan, barangan keperluan harian/makanan dan penjagaan kesihatan. Jangka masa yang dikaji adalah dalam tempoh 3 bulan sebelum kajian ini dijalankan. Secara keseluruhannya, kebanyakan lelaki cenderung memberi bantuan kewangan kepada ibu bapa/mentua. Manakala kebanyakan wanita pula lebih cenderung memberi bantuan berupa barangan keperluan harian/makanan.

**Bantuan kepada ibu bapa/mentua**



## Bantuan warga emas

### *Bantuan yang diterima oleh warga emas daripada anak*

Kajian turut menganalisis bentuk bantuan yang diberikan oleh anak-anak kepada warga emas. Kebanyakan warga emas menerima bantuan dalam bentuk kewangan, menemani ke tempat yang diperlukan, makanan atau barang keperluan lain dan melakukan kerja rumah. Namun demikian, terdapat 4.7 peratus warga emas yang tidak pernah menerima sebarang bentuk bantuan daripada anak-anak.

### *Bantuan yang diberi oleh warga emas kepada anak*

Selain daripada menerima bantuan daripada anak, warga emas juga memberi bantuan kepada anak mereka. Kebanyakan bantuan yang diberi kepada anak mereka adalah berkongsi masalah peribadi atau kebimbangan diri, makanan atau barang keperluan lain dan kerja penjagaan.

**Bantuan warga emas**




| Bentuk bantuan | Peratus | |
|---|---|---|
| | Diterima daripada anak | Diberi kepada anak |
| Wang tunai | 79.6 | 28.6 |
| Pembayaran bil-bil | 48.6 | 9.4 |
| Makanan atau barang keperluan lain | 67.5 | 37.2 |
| Kerja rumah | 64.4 | 31.2 |
| Kerja penjagaan | 62.0 | 36.3 |
| Berkongsi masalah peribadi atau kebimbangan diri | 57.1 | 44.9 |
| Dihantar atau ditemani ke tempat yang diperlukan | 71.1 | 25.4 |

*Nota: Tempoh masa adalah setahun sebelum masa kajian dijalankan*

## NILAI MURNI YANG DITERAPKAN KEPADA ANAK REMAJA

Penerapan nilai-nilai murni oleh ibu bapa adalah penting dalam pembangunan pekerti anak-anak. Kajian mendapati nilai-nilai murni utama yang diterapkan oleh lelaki dan wanita kepada anak remaja mereka yang berumur 13-24 tahun adalah hormat-menghormati, taat kepada suruhan agama, berilmu dan berdisiplin.

**Nilai murni yang diterapkan oleh lelaki dan wanita kepada anak remaja**

| LELAKI | | WANITA |
|---|---|---|
| 58.4% | Hormat-menghormati | 57.6% |
| 52.5% | Taat kepada suruhan agama | 48.4% |
| 41.2% | Berilmu | 44.1% |
| 33.9% | Berdisiplin | 29.4% |
| 15.9% | Baik hati | 19.2% |
| 24.7% | Kasih sayang | 18.9% |
| 19.4% | Berdikari | 18.0% |
| 19.2% | Kerajinan | 16.9% |
| 8.3% | Berhemah tinggi | 10.9% |

## HUBUNGAN REMAJA DENGAN IBU BAPA

Hubungan antara remaja dan ibu bapa sangat penting dalam menentukan perkembangan mereka. Secara keseluruhannya, remaja mempunyai hubungan yang sangat baik dengan ibu bapa mereka.

**Hubungan dengan ibu bapa**



## AKTIVITI REMAJA BERSAMA KELUARGA

Masa yang diluangkan bersama keluarga antara elemen penting dalam keeratan hubungan sesebuah keluarga. Majoriti remaja berbual-bual, makan dan menonton televisyen bersama keluarga setiap hari. Selain itu, didapati separuh daripada remaja menyatakan mereka melancong/bercuti dan menghadiri majlis keraian bersama keluarga sekali dalam tempoh beberapa bulan.

**Aktiviti remaja bersama keluarga**

| | Tidak pernah (%) | Sekali dalam beberapa bulan (%) | Sekali sebulan (%) | Beberapa kali dalam sebulan (%) | Sekali seminggu (%) | Beberapa kali dalam seminggu (%) | Setiap hari (%) |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Berbual-bual | 0.5 | 1.0 | 0.9 | 1.7 | 2.9 | 6.8 | 86.2 |
| Membeli-belah | 5.2 | 12.5 | 26.8 | 21.4 | 22.1 | 12.0 | - |
| Makan bersama | 1.1 | 1.8 | 2.1 | 3.4 | 3.9 | 8.6 | 79.1 |
| Menonton TV | 2.2 | 1.8 | 1.1 | 2.7 | 3.2 | 9.4 | 79.6 |
| Bersiar-siar/ riadah | 15.8 | 17.4 | 15.2 | 15.6 | 19.8 | 10.7 | 5.4 |
| Aktiviti keagamaan | 17.7 | 17.5 | 11.4 | 12.8 | 19.6 | 10.5 | 10.5 |
| Bercuti/ melancong | 29.8 | 54.4 | 10.3 | 5.5 | - | - | - |
| Majlis keraian | 10.5 | 49.5 | 17.4 | 17.1 | 5.2 | - | - |

*Nota: Tempoh masa aktiviti adalah setahun sebelum masa kajian dijalankan*

## ASPIRASI REMAJA MENGENAI PENDIDIKAN

### Tahap pendidikan minimum untuk hidup selesa pada masa hadapan

Kajian ini turut meninjau persepsi remaja mengenai tahap pendidikan minimum yang difikirkan perlu untuk hidup selesa pada masa hadapan. Secara keseluruhannya, lebih satu pertiga (36.4%) remaja menyatakan peringkat ijazah sebagai tahap pendidikan minimum untuk kehidupan yang selesa pada masa hadapan. Kebanyakan remaja perempuan berpendapat peringkat ijazah (42.1%) merupakan tahap pendidikan minimum untuk kehidupan yang selesa pada masa hadapan berbanding lelaki yang menyatakan peringkat SPM (33.2%).

### Tahap pendidikan tertinggi yang ingin dicapai

Remaja juga disoal mengenai persepsi mereka terhadap tahap pendidikan tertinggi yang ingin dicapai. Majoriti remaja lelaki dan perempuan ingin mencapai tahap pendidikan sehingga ke peringkat ijazah.

**Persepsi terhadap tahap pendidikan minimum dan tertinggi**

| | LELAKI: Tahap pendidikan tertinggi yang ingin dicapai (%) | LELAKI: Tahap pendidikan yang minimum (%) | TAHAP PENDIDIKAN MINIMUM | TAHAP PENDIDIKAN TERTINGGI | PEREMPUAN: Tahap pendidikan yang minimum (%) | PEREMPUAN: Tahap pendidikan tertinggi yang ingin dicapai (%) |
|---|---|---|---|---|---|---|
| Lain-lain | 1.5% | 0.7% | 0.5% | 0.8% | 0.3% | 0.9% |
| Ijazah | 50.1% | 30.8% | 36.4% | 59.0% | 42.1% | 64.8% |
| Diploma | 23.5% | 26.5% | 24.5% | 22.2% | 22.4% | 19.5% |
| Sijil teknikal | 3.8% | 3.7% | 2.8% | 2.8% | 1.8% | 1.6% |
| STPM atau setaraf | 2.2% | 2.3% | 2.4% | 1.9% | 2.6% | 1.7% |
| SPM atau setaraf | 16.8% | 33.2% | 31.2% | 12.5% | 29.1% | 10.5% |
| PMR atau setaraf | 2.1% | 2.8% | 2.3% | 0.8% | 1.7% | 0.9% |

## BAHAGIAN 4
## KEHIDUPAN BERKELUARGA

### ATURAN TEMPAT TINGGAL

*Empty nest* merujuk kepada situasi yang berlaku kepada warga emas yang tinggal berseorangan ataupun berdua bersama pasangan mereka sahaja, apabila anak-anak berhijrah ke tempat lain untuk mencari pekerjaan, melanjutkan pelajaran ataupun sudah berkahwin. Hasil kajian mendapati 9.0 peratus warga emas tinggal bersendirian dan 20.9 peratus tinggal dengan pasangan mereka. Mereka ini mungkin mengalami sindrom *empty nest*. Situasi ini perlu diberi perhatian kerana ia mungkin memberi kesan kepada kestabilan emosi, kesihatan dan ekonomi warga emas tersebut.

**Aturan tempat tinggal**



TINGGAL BERSEORANGAN **9.0%**

TINGGAL DENGAN PASANGAN **20.9%**

LAIN-LAIN **70.1%**

BAHAGIAN 5

# INTERAKSI SOSIAL

## PENGENALAN

Bahagian ini akan membincangkan mengenai aktiviti sosial yang dilakukan oleh warga emas yang berumur 60 tahun dan ke atas dan remaja berumur 13-24 tahun. Analisis aktiviti sosial warga emas meliputi penglibatan dalam komuniti, penggunaan internet dan perihal kesunyian. Manakala analisis aktiviti sosial remaja adalah berdasarkan aktiviti yang bersifat positif dan negatif yang dilakukan oleh mereka.

## AKTIVITI SOSIAL WARGA EMAS

### Penglibatan komuniti warga emas

Dalam tempoh 6 bulan sebelum kajian, sebanyak 74.8 peratus warga emas pernah menyertai aktiviti qariah masjid/pertubuhan keagamaan, diikuti 30.1 peratus menyertai aktiviti kejiranan/ rukun tetangga, 24.4 peratus menyertai sukan/kumpulan beriadah dan 15.2 peratus menyertai pertubuhan NGO/komuniti.

**Penglibatan komuniti warga emas**



## Penggunaan internet

Secara keseluruhannya, hanya 10.4 peratus warga emas menggunakan perkhidmatan internet dengan purata penggunaan selama 2 jam sehari. Kemudahan dan perkhidmatan internet yang digunakan adalah jaringan sosial seperti Facebook, Whatsapp, Twitter dan Instagram iaitu 68.2 peratus, emel (52.2%), blog dan laman sesawang (45.6%) dan perbankan atas talian (15.4%).




## Perihal kesunyian

Lebih satu pertiga (34.2%) daripada warga emas menyatakan mereka pernah mengalami kesunyian di mana 9.6 peratus mengatakan mereka selalu berasa sunyi dan 24.6 peratus kadang-kadang berasa sunyi. Antara aktiviti yang dilakukan untuk menghilangkan kesunyian adalah menonton televisyen/ mendengar radio (37.0%), melakukan aktiviti keagamaan (31.9%) dan melakukan hobi (30.5%).



## AKTIVITI SOSIAL REMAJA

Kajian ini telah memperoleh maklumat berkenaan aktiviti sosial yang bersifat positif dan negatif yang dilakukan oleh remaja dalam tempoh setahun sebelum kajian. Aktiviti bersifat positif ditumpukan kepada menyertai aktiviti keagamaan/keilmuan, persatuan/ sukarelawan dan riadah/bersukan/rekreasi. Didapati sebanyak 22.4 peratus menyertai aktiviti keagamaan/keilmuan, 20.1 peratus menyertai aktiviti persatuan/sukarelawan dan 24.2 peratus riadah/bersukan/rekreasi sekali dalam seminggu. Aktiviti sosial yang boleh menyebabkan remaja mudah terpengaruh dengan perkara-perkara negatif ditumpukan kepada bersosial hingga larut malam, pergi ke kelab malam, pusat snuker, pusat karaoke, menyertai kegiatan lumba haram, merokok, menggunakan dadah, menghidu gam dan meminum minuman keras/beralkohol. Didapati 6.7 peratus bersosial hingga larut malam sekali dalam seminggu, 1.5 peratus yang pergi ke kelab malam sekali dalam beberapa bulan, 3.9 peratus pergi ke pusat snuker sekali dalam beberapa bulan dan 12.5 peratus pergi ke pusat karaoke sekali dalam beberapa bulan. Kajian juga mendapati 11.7 peratus remaja merokok setiap hari. Manakala peratusan remaja yang pernah menyertai kegiatan lumba haram, menggunakan dadah, menghidu gam dan meminum minuman keras/beralkohol adalah rendah.

**Aktiviti sosial remaja**

| Aktiviti sosial remaja | Tidak pernah (%) | Sekali dalam beberapa bulan (%) | Sekali sebulan (%) | Beberapa kali dalam sebulan (%) | Sekali seminggu (%) | Beberapa kali dalam seminggu (%) | Setiap hari (%) |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Aktiviti keagamaan/ keilmuan | 17.5 | 16.5 | 12.1 | 13.3 | 22.4 | 10.2 | 8.0 |
| Berpersatuan/ sukarelawan | 48.5 | 11.1 | 12.8 | 7.5 | 20.1 | - | - |
| Riadah/ bersukan/ rekreasi | 18.6 | 9.1 | 7.4 | 9.0 | 24.2 | 16.3 | 15.3 |
| Bersosial hingga larut malam | 68.8 | 5.1 | 3.5 | 4.8 | 6.7 | 6.8 | 4.4 |
| Pergi ke kelab malam | 96.3 | 1.5 | 0.9 | 0.6 | 0.4 | 0.2 | 0.2 |
| Pergi ke pusat snuker | 88.3 | 3.9 | 2.6 | 1.6 | 1.3 | 1.8 | 0.5 |
| Pergi ke pusat karaoke | 68.1 | 12.5 | 8.6 | 5.4 | 3.3 | 1.8 | 0.3 |
| Kegiatan lumba haram | 98.0 | 0.6 | 0.3 | 0.3 | 0.5 | 0.1 | 0.2 |
| Merokok | 84.6 | 0.5 | 0.2 | 0.5 | 0.5 | 2.1 | 11.7 |
| Penggunaan dadah | 99.7 | 0.2 | - | - | - | - | - |
| Hidu gam | 99.8 | 0.1 | - | - | - | - | - |
| Minuman keras/ beralkohol | 95.5 | 2.5 | 0.6 | 0.6 | 0.4 | 0.3 | 0.1 |


TAHUN
MERDEKA
JANJI DITEPATI

## BAHAGIAN 6

# WANITA DAN KERJAYA

### PENGENALAN

Dalam bahagian ini, analisis yang dilakukan adalah meliputi wanita pernah berkahwin berumur 15-59 tahun. Perkara yang dibincangkan adalah seperti status pekerjaan, sebab utama berhenti kerja, masalah dalam mengimbangi peranan antara kerjaya dan keluarga dan bentuk sokongan daripada majikan. Selain itu, analisis berkaitan aturan penjagaan anak turut dilakukan berdasarkan kepada jumlah anak yang berumur di bawah 6 tahun dalam kalangan wanita yang bekerja.

### STATUS PEKERJAAN

Secara keseluruhannya, sebanyak 46.5 peratus wanita sedang bekerja, 42.4 peratus telah berhenti berkerja dan 11.1 peratus tidak pernah bekerja.

**Status pekerjaan semasa wanita**




### Sebab utama wanita berhenti kerja

Antara sebab utama wanita telah berhenti kerja adalah disebabkan masalah penjagaan anak (32.4%), berkahwin (16.4%) dan mengikut suami berpindah (11.7%).

**Sebab wanita berhenti kerja**




**termasuk menyambung pelajaran, tidak perlu berkerja kerana pendapatan mencukupi, tempat kerja tutup, masalah pengangkutan dan tamat kontrak.*

## MASALAH DALAM MENGIMBANGI PERANAN ANTARA KERJAYA DAN KELUARGA

Didapati hampir satu perlima (18.7%) wanita yang sedang bekerja menghadapi masalah dalam mengimbangi peranan antara kerjaya dan keluarga. Antara masalah utama yang dihadapi adalah kurang masa bersama keluarga (51.9%), masalah penjagaan anak (13.0%), kurang masa untuk diri sendiri (11.9%) dan beban tugas di tempat kerja (11.2%).

**Masalah dalam mengimbangi peranan antara kerjaya dan keluarga**




## BENTUK SOKONGAN DARIPADA MAJIKAN

Majikan perlu memainkan peranan bersama dalam menangani masalah penjagaan anak dalam kalangan wanita bekerja. Lebih satu pertiga (34.2%) daripada wanita yang bekerja di sektor awam dan swasta menyatakan mereka memerlukan pusat penjagaan kanak-kanak di tempat kerja. Ini diikuti dengan kemudahan cuti untuk menjaga anak yang sakit (17.8%) dan waktu kerja anjal (13.7%).

**Bentuk sokongan yang diperlukan**




** termasuk bantuan pendidikan, perubatan dan keperluan anak dan sebagainya.*

## ATURAN PENJAGAAN ANAK

Pilihan utama aturan penjagaan anak yang berumur di bawah 6 tahun dalam kalangan wanita bekerja ialah dijaga oleh datuk/nenek (26.8%). Ini diikuti oleh dijaga oleh pengasuh (24.0%), dijaga ibu (16.9%) dan dihantar ke taman asuhan kanak-kanak (14.4%).

**Aturan penjagaan anak**




** termasuk prasekolah, tadika dan tiada penjaga*



# BAHAGIAN 7

# KESUBURAN DAN KESIHATAN REPRODUKTIF

## PENGENALAN

Bahagian ini membincangkan tentang hal kesuburan, perancang keluarga, penyusuan bayi, pengetahuan remaja mengenai kesihatan reproduktif serta perilaku seksual remaja dan penduduk bujang. Hal berkaitan kesuburan membincangkan tentang bilangan anak yang pernah dilahirkan, keinginan melahirkan anak lagi, bilangan anak yang ideal dan bilangan anak yang diinginkan oleh wanita pernah berkahwin berumur 15-49 tahun. Bahagian ini turut membincangkan hal berkaitan status penggunaan kaedah perancang keluarga dalam kalangan wanita masih berkahwin berumur 15-49 tahun. Bagi hal penyusuan bayi, analisis mengenai amalan penyusuan bayi ditumpukan kepada anak yang berumur 24 bulan dan ke bawah. Bahagian ini juga melihat tentang pengetahuan remaja belum berkahwin berumur 13-24 tahun mengenai kesihatan reproduktif dari segi organ seksual dan reproduktif, kontraseptif, HIV/AIDS, penyakit jangkitan seksual dan hubungan seksual. Selain itu, turut dianalisis adalah perilaku seksual remaja dan penduduk bujang berumur 25-49 tahun.

## KESUBURAN

### Bilangan anak yang pernah dilahirkan

Secara keseluruhannya, sebanyak 8.6 peratus wanita tidak mempunyai anak, 16.1 peratus wanita melahirkan seorang anak, 21.7 peratus melahirkan dua orang anak, 22.3 peratus wanita melahirkan tiga orang anak, 15.2 peratus melahirkan empat orang anak dan 16.2 peratus melahirkan lebih daripada lima orang anak. Secara purata bilangan anak yang dilahirkan setiap wanita dalam kumpulan umur 15-19 tahun adalah sebanyak 0.8 orang anak; wanita yang berumur antara 20-24 tahun melahirkan 1.1 orang anak; wanita berumur 25-29 tahun melahirkan 1.5 orang anak; wanita berumur 30-34 tahun melahirkan 2.3 orang anak; wanita yang berumur antara 35-39 tahun melahirkan 3.1 orang anak; wanita yang berumur antara 40-44 tahun melahirkan 3.5 orang anak; dan wanita yang berumur antara 45-49 tahun melahirkan 3.8 orang anak. Purata bilangan anak yang dilahirkan oleh

**Purata bilangan anak yang pernah dilahirkan (orang)**




| Kumpulan Umur | Bilangan Anak (%) | | | | | | Purata |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | 0 | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 + | |
| 15-19 | 30.2 | 62.8 | 7.1 | 0.0 | 0.0 | 0.0 | 0.8 |
| 20-24 | 24.2 | 50.7 | 19.3 | 4.5 | 0.7 | 0.6 | 1.1 |
| 25-29 | 17.7 | 37.6 | 29.4 | 11.5 | 2.6 | 1.2 | 1.5 |
| 30-34 | 9.1 | 15.7 | 31.5 | 27.6 | 11.2 | 4.9 | 2.3 |
| 35-39 | 5.8 | 9.4 | 19.5 | 27.9 | 19.6 | 17.8 | 3.1 |
| 40-44 | 3.9 | 6.3 | 18.3 | 26.0 | 20.5 | 25.0 | 3.5 |
| 45-49 | 4.0 | 6.1 | 13.9 | 21.6 | 22.7 | 31.7 | 3.8 |
| Jumlah | 8.6 | 16.1 | 21.7 | 22.3 | 15.2 | 16.2 | 2.8 |

wanita dalam kumpulan umur terakhir (45-49 tahun) ini boleh dianggapkan sebagai tahap kesuburan lengkap.

**DEFINISI/TERMINOLOGI:**
**Purata bilangan anak:** Merujuk kepada purata bilangan anak yang pernah dilahirkan oleh seorang wanita pernah berkahwin yang berumur 15-49 tahun.
**Tahap kesuburan lengkap:** Wanita yang berada dalam kumpulan umur 45-49 tahun adalah peringkat akhir di mana seseorang wanita mampu melahirkan anak sebelum memasuki era menopos.

## KEINGINAN ANAK

### Keinginan melahirkan anak lagi

Didapati bahawa sebanyak 40.9 peratus wanita yang masih berkahwin berumur 15-49 tahun menginginkan anak lagi. Peratusan wanita yang ingin melahirkan anak menurun daripada 87.9 peratus dalam kalangan yang berumur 20-24 tahun kepada 14.6 peratus dan 5.9 peratus bagi mereka yang berumur 40-44 tahun dan 45-49 tahun.




### Bilangan anak ideal dan anak yang diinginkan

Purata bilangan anak yang diinginkan oleh wanita yang pernah berkahwin berumur 15-49 tahun adalah lebih tinggi sedikit iaitu 3.9 orang anak berbanding purata bilangan anak ideal iaitu 3.5 orang anak. Secara umum, purata bilangan anak ideal dan yang diinginkan adalah rendah dalam kalangan wanita muda berbanding wanita yang lebih tua.

**DEFINISI/TERMINOLOGI:**
**Purata bilangan anak ideal**: Merujuk kepada purata bilangan anak yang diingini oleh seseorang wanita dengan mengambil kira keadaan dan taraf hidup semasa seperti kewangan dan persekitaran.
**Purata bilangan anak yang diinginkan**: Merujuk kepada purata bilangan anak yang diingini oleh seseorang wanita dengan mengambil kira keinginannya sebenar tanpa mengambil kira faktor semasa.



## AMALAN PERANCANG KELUARGA

### Status penggunaan perancang keluarga

Kajian mendapati sebanyak 74.2 peratus wanita yang pernah berkahwin dan berumur 15-49 tahun pernah menggunakan perancang keluarga. Peratusan yang sedang menggunakan sebarang kaedah dan kaedah moden masing-masing kekal pada lebih kurang 52.2 peratus dan 34.3 peratus sejak tahun 1984. Kadar penggunaan adalah lebih tinggi dalam kalangan mereka yang berumur 35-44 tahun.

**Status penggunaan perancang keluarga**

**74.2%** WANITA PERNAH BERKAHWIN BERUMUR 15-49 TAHUN PERNAH MENGGUNAKAN PERANCANG KELUARGA

**52.2%** WANITA MASIH BERKAHWIN BERUMUR 15-49 TAHUN SEDANG MENGGUNAKAN PERANCANG KELUARGA

| Kumpulan Umur | Peratus sedang menggunakan | |
|---|---|---|
| | Sebarang kaedah | Kaedah moden |
| 15-19 | 24.4 | 20.5 |
| 20-24 | 43.9 | 31.6 |
| 25-29 | 46.0 | 30.3 |
| 30-34 | 52.1 | 33.4 |
| 35-39 | 59.3 | 39.3 |
| 40-44 | 61.0 | 42.0 |
| 45-49 | 45.0 | 27.2 |
| Jumlah | 52.2 | 34.3 |

**17.9% Bukan Moden**

- 9.7% Azal
- 5.0% Cara waktu selamat
- 1.4% Tradisional
- 1.0% Elak persetubuhan
- 0.9%** Lain-lain kaedah bukan moden

**34.3% Kaedah Moden**

- 13.2% Pil
- 6.9% Ligasi Tiub
- 5.6% Kondom
- 4.9% Suntikan
- 2.7% Alat Dalam Rahim
- 0.7% Implan
- 0.3%* Lain-lain kaedah moden

**termasuk Pil Kontraseptif Kecemasan, Tampalan Hormon, Gegelang Vagina, dan Vasektomi*
*** termasuk menyusu badan dan lain-lain kaedah bukan moden*

**DEFINISI/TERMINOLOGI:**
**Pernah menggunakan perancang keluarga:** Terdiri daripada wanita yang pernah berkahwin dan dalam kumpulan umur reproduktif (15-49 tahun) yang pernah menggunakan sebarang kaedah perancang keluarga.
**Sedang menggunakan perancang keluarga:** Terdiri daripada wanita yang masih berkahwin, dalam kumpulan umur reproduktif (15-49 tahun) dan sedang menggunakan sebarang kaedah perancang keluarga.

## PENYUSUAN BAYI

### Amalan penyusuan susu ibu

Secara keseluruhannya, hampir semua iaitu 98.2 peratus bayi yang berumur di bawah umur 24 bulan pernah menerima susu ibu dengan 56.4 peratus bayi menerima susu ibu dalam tempoh satu jam selepas dilahirkan. Bagi bayi yang berumur bawah 6 bulan, sebanyak 43.8 peratus menyusu secara eksklusif dan 33.8 peratus menyusu secara predominan. Majoriti (94.2%) bayi yang berumur 6-8 bulan telah menerima makanan pepejal, separa pepejal dan makanan lembut.

**Status amalan penyusuan susu ibu**




**DEFINISI/TERMINOLOGI:**
**Pernah menyusu susu ibu *(Ever breastfed)***: Peratus bayi yang berumur 24 bulan ke bawah yang pernah menerima susu ibu.
**Permulaan awal penyusuan susu ibu *(Early initiation of breastfeeding)***: Peratus bayi yang berumur 24 bulan ke bawah yang menerima susu ibu dalam tempoh satu jam selepas dilahirkan.
**Penyusuan susu ibu secara eksklusif bawah 6 bulan *(Exclusive breastfeeding under 6 months)***: Peratus bayi yang berumur 6 bulan ke bawah yang sedang menerima susu ibu secara ekslusif (sumber pemakanan hanya bergantung kepada susu ibu semata-mata).
**Penyusuan susu ibu secara predominan bawah 6 bulan *(Predominant breastfeeding under 6 months)***: Peratus bayi yang berumur 6 bulan ke bawah yang sedang menerima susu ibu atau cecair lain seperti susu formula dan jus buah (sumber pemakanan bukan bergantung kepada susu ibu semata-mata)
**Pengenalan kepada makanan pepejal, separa pepejal atau makanan lembut *(Introduction of solid, semi-solid or soft foods)***: Peratus bayi yang berumur antara 6 hingga 8 bulan yang sedang menerima sebarang makanan pepejal, separa pepejal atau makanan lembut.

**Organ seksual dan reproduktif**

| | | 13-17 TAHUN | 18-24 TAHUN |
|---|---|---|---|
| Faraj | 41.9% | 39.8% | 44.7% |
| Rahim | 45.5% | 43.7% | 48.1% |
| Buah zakar | 58.1% | 55.2% | 62.0% |
| Zakar | 57.8% | 54.8% | 61.8% |
| Tempat janin membesar | 48.3% | 44.5% | 53.5% |
| Saluran bayi dilahirkan | 39.5% | 35.0% | 45.7% |

**Pengetahuan mengenai HIV/AIDS**

PENGETAHUAN MENGENAI HIV/AIDS

| | | 13-17 TAHUN | 18-24 TAHUN |
|---|---|---|---|
| HIV ialah sejenis virus yang menyebabkan AIDS | 64.7% | 60.1% | 71.1% |
| HIV / AIDS ialah sejenis penyakit jangkitan seksual | 71.3% | 66.5% | 77.9% |
| HIV boleh dijangkiti melalui gigitan nyamuk | 54.6% | 53.3% | 56.3% |

**Pengetahuan mengenai jangkitan seksual**

| | | 13-17 TAHUN | 18-24 TAHUN |
|---|---|---|---|
| Merasa amat sakit semasa membuang air kecil, keluar cecair atau lelehan pekat dari zakar adalah tanda jangkitan penyakit seksual pada lelaki | 23.0% | 19.6% | 27.8% |
| Lelehan/keputihan/cecair dari faraj yang luar biasa adalah tanda jangkitan penyakit seksual pada perempuan | 18.4% | 15.8% | 22.0% |
| Seseorang boleh dijangkiti sekiranya mengadakan hubungan seks dengan orang yang mempunyai penyakit jangkitan seksual | 73.0% | 67.6% | 80.5% |

## PENGETAHUAN REMAJA MENGENAI KESIHATAN SEKSUAL DAN REPRODUKTIF

### Organ seksual dan reproduktif

Remaja telah disoal mengenai pengetahuan mereka terhadap kedudukan organ reproduktif berasaskan gambarajah yang diberikan. Didapati pengetahuan mereka adalah berada pada tahap yang sederhana. Padanan kedudukan organ seksual dan reproduktif yang betul adalah paling tinggi bagi buah zakar iaitu 58.1 peratus, diikuti zakar (57.8%), tempat janin membesar (48.3%), rahim (45.5%), faraj (41.9%) dan saluran bayi dilahirkan (39.5%). Secara keseluruhannya, padanan kedudukan organ seksual dan reproduktif yang betul adalah lebih tinggi bagi mereka yang berumur 18-24 tahun berbanding 13-17 tahun.

### HIV/AIDS

Remaja telah disoal mengenai pengetahuan mereka berkaitan HIV/AIDS. Sebanyak 64.7 peratus remaja mengetahui bahawa HIV ialah sejenis virus yang menyebabkan AIDS, 71.3 peratus mengetahui HIV/AIDS ialah sejenis penyakit jangkitan seksual dan 54.6 peratus mengetahui HIV/AIDS tidak boleh berjangkit melalui gigitan nyamuk. Remaja berumur 18-24 tahun mencatat pengetahuan yang lebih tinggi berbanding 13-17 tahun.

### Penyakit jangkitan seksual

Hampir tiga perempat (73.0%) remaja mengetahui penyakit seksual boleh berjangkit melalui hubungan seks dengan orang yang mempunyai penyakit jangkitan seksual.

Walau bagaimana pun, pengetahuan remaja terhadap tanda-tanda jangkitan penyakit seksual pada lelaki adalah rendah iaitu 23.0 peratus dan tanda-tanda jangkitan penyakit seksual pada perempuan adalah 18.4 peratus.

## Hubungan seksual

Tahap pengetahuan remaja mengenai hubungan seksual adalah rendah. Sebanyak 33.7 peratus remaja mengetahui bahawa seorang gadis boleh hamil pada hubungan seks yang pertama, 33.3 peratus mengetahui kondom boleh menghindarkan penyakit hubungan seks dan 17.8 peratus mengetahui seorang gadis mungkin boleh hamil walaupun teman lelakinya mengeluarkan air maninya di luar faraj semasa mengadakan hubungan seks.

## Kaedah kontraseptif

Tahap pengetahuan remaja mengenai kaedah kontraseptif adalah sederhana (45.0%). Remaja dalam kumpulan umur 18-24 tahun mencatat peratusan pengetahuan yang lebih tinggi berbanding 13-17 tahun iaitu masing-masing 53.8 peratus dan 38.4 peratus. Kondom (81.7%) dan pil (60.8%) adalah kaedah kontraseptif yang paling diketahui.

**Pengetahuan mengenai hubungan seksual**

| | | 13-17 TAHUN | 18-24 TAHUN |
|---|---|---|---|
| Seorang gadis boleh hamil pada hubungan seks yang pertama | 33.7% | 32.5% | 35.2% |
| Seorang gadis mungkin boleh hamil walaupun teman lelakinya mengeluarkan air maninya di luar faraj semasa hubungan seks | 17.8% | 17.7% | 17.8% |
| Penggunaan kondom boleh menghindarkan penyakit hubungan seks | 33.3% | 28.6% | 39.9% |

**Kaedah kontraseptif**



**Bahan lucah**

TERDEDAH KEPADA BAHAN LUCAH 35.3%

| 13-17 TAHUN | 18-24 TAHUN |
|---|---|
| 29.9% | 42.8% |

SUMBER MEMPEROLEH BAHAN LUCAH (%)

- 60.8% Internet
- 35.0% Telefon
- 20.0% VCD/DVD
- 10.7% Bahan bercetak

**Perilaku seksual remaja**



PERNAH MELAKUKAN HUBUNGAN SEKS 4.8%

13-17 TAHUN 2.3%

